

12 AUG 2000

DR MAHATHIR DIBERI TAKLIMAT PRODUK BARU PELANCONGAN LANGKAWI

LANGKAWI, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi taklimat mengenai satu produk baru pelancongan melibatkan bidang peruncitan elektronik yang dirancang untuk dilaksanakan di sini.

Projek dikenali sebagai Super Tech City dan menawarkan pelbagai urusan peruncitan secara elektronik, dicadangkan oleh Asiankape Retail Management and Consultancy dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA).

Perdana Menteri menghadiri taklimat setengah jam mengenai projek itu oleh pengarah urusan Asiankape, Dennis Hayes di Pulau Rebak di sini.

Dr Mahathir juga melawat marina Pulau Rebak untuk meninjau kemajuan projek limbungan kering, satu kemudahan darat untuk menyenggara kapal riadah dan kapal layar.

Ia mampu mengendalikan 70 kapal untuk satu-satu masa.

Dr Mahathir juga melawat Perkampungan Kristal Langkawi yang mempunyai antara lain sebuah sekolah latihan antarabangsa dan bilik pameran.

-- BERNAMA

NH MAI